

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96**

**November/Disember 1995**

**PLG 522 - Pemikiran dan Pemahaman Guru Terhadap Kurikulum dan Pedagogi**

**Masa: [ 3 jam ]**

---

**Kertas soalan ini mengandungi Bahagian [A] dan [B]**

**Jawab TIGA soalan daripada BAHAGIAN (A) dan SATU soalan dariapada BAHAGIAN (B). Jumlah soalan yang perlu dijawab adalah EMPAT.**

**BAHAGIAN A**

**Pilih TIGA soalan sahaja dalam Bahagian ini.**

1. “Pada masa kebelakangan ini, hasil-hasil penyelidikan mengenai pemikiran guru telah menunjukkan pengajaran adalah suatu proses yang kompleks dan guru perlu menggunakan kemahiran berfikir untuk melaksanakan kurikulum sekolah”.

Huraikan kenyataan di atas berdasarkan konsep “reflective practitioners” yang dikemukakan oleh Donald Schön.

**[ 25 markah ]**

2. Shulman mencadangkan kategori-kategori pengetahuan guru yang penting untuk melaksanakan pengajaran.

Huraikan dengan contoh-contoh tiga kategori pengetahuan guru yang penting.

**[ 25 markah ]**

**...2/-**

- 2 -

[ PLG 522 ]

3. Kajian Tindakan adalah suatu pendekatan penyelidikan guru yang bertujuan mengubah pengajaran guru melalui proses refleksi kendiri dan penemuan guru.

Bincangkan langkah-langkah yang perlu guru ambil dalam Kajian Tindakan dan sejauhmanakah langkah-langkah itu dapat membantu guru membuat refleksi dan penemuan dalam pengajaran mereka.

[ 25 markah ]

4. Penjelasan nilai (value clarification) merupakan satu strategi di mana guru boleh meneroka aspek pemahaman implisit mereka terhadap pedagogi dan kurikulum yang dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Terangkan TIGA teknik penjelasan nilai yang boleh guru lakukan.

[ 25 markah ]

...3/-

**BAHAGIAN B**

Pilih SATU soalan sahaja dalam Bahagian ini

5. Huraikan jenis-jenis metafora yang terdapat dalam pengajaran guru dan terangkan peranan yang dimainkan oleh metafora dalam pemikiran guru.

[ 25 markah ]

6. Teknik pemetaan kognitif adalah teknik yang boleh digunakan untuk mengkaji pemahaman guru dalam pedagogi. Terangkan TIGA cara yang boleh digunakan untuk menerokai minda guru.

[ 25 markah ]

7. Kaedah hermeneutic yang dicadang oleh K. Lognathan boleh digunakan untuk menganalisis dan interpretasi "teks" dan menerokai pemikiran guru dalam pedagogi. Cadangkan bagaimana kaedah ini boleh digunakan untuk kajian pemikiran guru dalam pedagogi.

[ 25 markah ]

- oooOooo -